

Gaji isteri besar punca lelaki sanggup jaga anak

KUALA LUMPUR - Kecenderungan golongan lelaki menjadi suri rumah sepenuh masa tidak boleh dibiarkan berterusan bagi jangka waktu yang panjang.

Menurut pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Melayisia, Profesor Dr. Zaid Ahmad, fenomena itu tidak boleh menjadi kebiasaan kerana sewajarnya lelaki memikul tanggungjawab mencari nafkah ke-

luarga dan bukannya isteri.

"Antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini berlaku adalah peluang pekerjaan kaum lelaki yang terhad. Keadaan itu berlaku berikutan kelulusan mereka lebih rendah berbanding dengan wanita.

"Justeru, si suami kemudian memilih untuk menjadi suri rumah secara sepenuh masa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Zaid, kos pembiaayaan pusat asuhan yang tinggi



ZAID



NURUL AINI

juga menjadi faktor suami menjadi suri rumah kerana gaji isteri lebih besar dan boleh me-

nampung perbelanjaan seisi keluarga.

Sementara itu Kaunse-lor Universiti Teknologi Mara, Nurul Aini Mu-hyiddin berkata, tugas suri rumah sepatutnya dise-rahkan kepada isteri.

Menurutnya, peranan wanita menjadi seorang suri rumah tidak se-harusnya bertukar dengan suami.

Tambahnya, bilangan wanita yang lebih ramai dan pene-

kanan mengenai hak sama rata antara lelaki dan wanita juga mendorong lebih ramai bapa menjadi suri rumah.

"Wanita juga berasa lebih se-lesa untuk bekerja berbanding dengan menjadi suri rumah menyebabkan bilangan bapa menjaga anak semakin meningkat," tambahnya.

Bagaimanapun, katanya, golongan lelaki adalah lebih sesuai dan berkebolehan untuk bekerja kerana mereka dilihat sebagai ketua keluarga.